## JAWATAN KOSONG : PENASIHAT UNDANG-UNDANG

| | |
|---|---|
| Bahagian | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif |
| Taraf Jawatan | Tetap |
| Gaji Ditawarkan | **RM8,000.00 – RM14,000.00** |
| Syarat Lantikan | Calon bagi lantikan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :<br>• Terdiri daripada Warganegara Malaysia;<br>• Berumur tidak kurang daripada 32 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br>• Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perundangan dan/ atau Sarjana Perundangan;<br>• Sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan dengan minima lima (5) tahun pengalaman dalam kerja-kerja perundangan kerajaan seperti pendakwaan dan penggubalan undang-undang. |
| Kompetensi khusus yang diperlukan | • Berkemahiran dan berpengalaman dalam mengkaji, menyediakan dan menggubal instrumen perundangan seperti MoU's, dokumen kontrak dan undang-undang subsidiari;<br>• Berkemahiran dalam aspek perundangan dari segi penguatkuasaan dan pendakwaan;<br>• Berkeupayaan dan berpengalaman dalam memberi dan menyediakan nasihat undang-undang;<br>• Mempunyai kemahiran yang tinggi dalam komunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta mempunyai pemikiran analitikal;<br>• Berkemampuan untuk memahami bidang undang-undang yang kompleks dengan cepat dan tepat;<br>• Berpengalaman di dalam industri tenaga terutamanya tenaga boleh baharu merupakan satu kelebihan. |
| Senarai Tugas | • Bertanggungjawab untuk memberi nasihat mengenai perkara dan masalah perundangan dan mentafsirkannya selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain di bawah bidang kuasa SEDA Malaysia;<br>• Memberi nasihat perundangan dan menyemak dokumen berkenaan hal-hal perundangan, MoU serta kontrak perjanjian;<br>• Menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Baru (TBB) dan draf semua peraturan yang perlu dari segi perundangan, arahan, notis sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta TBB; |

| | |
|---|---|
| | • Memberi arahan dan nasihat undang-undang kepada SEDA Malaysia dalam menjalankan tugas-tugas utama dalam menguatkuasakan Akta TBB dan perundangan subsidiari;<br>• Membangunkan cadangan yang konkrit untuk memperbaiki rangka kerja undang-undang dan peraturan untuk memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan untuk Akta TBB dan mekanisma FiT;<br>• Memantau pematuhan terhadap Akta TBB dan perundangan subsidiari;<br>• Mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak mematuhi keperluan Akta TBB;<br>• Memberi maklumat terkini tentang perubahan undang-undang dalam sektor tenaga, menganalisis perubahan ini (untuk kesan terhadap Akta TBB) dan memberikan cadangan lanjut mengenai tindakan yang diperlukan untuk SEDA Malaysia;<br>• Menyertai bengkel-bengkel, latihan atau acara-acara yang dianjurkan bagi menerangkan rangka peraturan baru atau instrumen undang-undang yang berkaitan dengan SEDA Malaysia (apabila diperlukan);<br>• Menyedia, menasihat serta menyemak dokumentasi kontrak atau perjanjian yang melibatkan SEDA Malaysia. |